

Setinggian punca pencemaran

Sinar Harian m/s 517 16.10.07

Biarpun kerajaan negeri kini sedang berusaha memindahkan penduduk di kawasan setinggian secara berperingkat namun ia masih belum dapat membendung masalah pencemaran sungai secara keseluruhan berikutan sikap degil penduduk.



MOHD FADZIL AZIZ

LEMBAH JAYA - Kewujudan penempatan setinggian di sekitar tebing sungai, khususnya Lembah Jaya dikatakan menjadi penyumbang utama terhadap pelepasan air kumbahan dan najis secara berleluasa hingga mencemarkan sebahagian besar kawasan sungai di Ampang.

Tinjauan **Sinar Harian** mendapati keadaan itu berpunca daripada sistem rawatan sisa kumbahan yang tidak sempurna dan tahap pengurusan hidup yang rendah menyebabkan penduduk bersikap lepas tangan dengan bertindak membuang sampah sarap sesuka hati ke dalam sungai.


Biarpun kerajaan ne-

NGAINON DAMIRI

geri kini sedang berusaha memindahkan penduduk di kawasan setinggian secara berperingkat namun ia masih belum dapat membendung masalah pencemaran sungai secara keseluruhan berikutan sikap degil penduduk.

Keadaan itu dikatakan berpunca daripada tahap kesedaran orang ramai yang masih rendah mengenai kepentingan merawat sisa kumbahan hingga mendorong mereka melepaskannya sesuka hati ke dalam sungai dan menyebabkan pencemaran.

Buktinya, hampir keseluruhan rumah yang



Penempatan setinggian di kawasan tebing sungai telah menyebabkan ianya menjadi tempat membuang pelepasan air kumbahan dan najis.

wujud di tebing sungai di Lembah Jaya mengalirkan air kumbahan mereka ke dalam sungai malah ada sebahagian daripada penduduk di situ menjadikan kawasan sungai sebagai tempat pembuangan sampah sarap.

Sementara itu penduduk Kampung Lembah Jaya yang ditemui berharap kerajaan negeri dapat mempercepatkan program penempatan semula

setinggian bagi mengelak kawasan sungai di sekitar Ampang daripada terus tercemar.

Menurut Ngainon Damiri, 65, walaupun kerajaan membelanjakan berpuluh juta ringgit untuk membersihkan sungai di sekitar Ampang namun hakikatkan keadaan sungai berkenaan masih tidak banyak berubah.

"Ini kerana masih terdapat segelintir penduduk

khususnya penempatan setinggian yang menjadikan kawasan sungai sebagai tempat untuk membuang sampah sarap hingga menjejaskan sungai.

"Justeru, orang ramai berharap supaya program untuk memindahkan semua penempatan setinggian di sepanjang sungai dapat dijalankan segera bagi mengelak masalah berulang," katanya kepada **Sinar Harian**.